

Muzium Pahang dan Isu Penjajahan British di Tanah Melayu

Pahang Museum and British Colonial Issues in Malaya

AHMAD FARID ABD JALAL, AHNAF WAFI ALIAS, SITI MAIMUNAH KAHAL & RAHIMIN AFFANDI ABD RAHIM

ABSTRAK

Klas Grinell menegaskan dalam carta UNESCO (1945) bahawa trauma kemusnahan manusia akibat Perang Dunia Kedua boleh diubati dengan warisan tamadun ilmu, sejarah, budaya dan seni. Oleh itu, UNESCO dan ICOM (Majlis Muzium Antarabangsa) menekankan peranan besar yang perlu dimainkan oleh muzium untuk tujuan menjaga dan mempelajari warisan sejarah dan budaya ini. Namun begitu, terdapat tiga paradigma yang dipegang khususnya dalam kalangan penganut Islam membabitkan peranan muzium ini. Pertama, golongan yang memusuhi muzium secara mutlak. Kedua, golongan yang menerima konsep muzium baharu secara mutlak dan ketiga, golongan reformis yang mengambil sikap selektif terhadap institusi muzium. Hal ini demikian kerana idea penubuhan muzium itu sendiri pada awalnya dicetuskan oleh penjajah khususnya British bagi tujuan mengumpulkan hasil-hasil alam semula jadi dan koleksi-koleksi berharga di Tanah Melayu. Dalam masa yang sama, mereka mengasaskan ilmu kolonial bagi mengkaji masyarakat tanah jajahan secara tuntas demi kepentingan penjajahan. Setelah Tanah Melayu merdeka, muzium dilihat menyumbang kepada pembangunan negara, menjadi agen penyebar ilmu pengetahuan, serta memupuk identiti bangsa. Objektif utama makalah ini adalah untuk mendedahkan peranan Muzium Pahang dalam menghadapi isu-isu penjajahan British di Tanah Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah pensejarahan dengan menganalisis sumber-sumber penyelidikan, bahan-bahan penerbitan, koleksi-koleksi serta galeri-galeri Muzium Pahang khususnya Galeri Kesultanan Melayu Pahang dan Islam di Pahang. Hasilnya, kajian ini mendapati Muzium Pahang telah mendedahkan isu-isu penjajahan British di Tanah Melayu melalui siri-siri penyelidikan, kolokium, penerbitan serta pameran yang diadakan. Penubuhan Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Al-Sultan Abdullah – Muzium Pahang (AL-ASAR) telah menggiatkan lagi kajian ilmiah berkaitan ilmu kolonial di alam Melayu dengan menjawab teori-teori orientalis Barat, kesannya terhadap Islam dan pembentukan institusi muzium di Malaysia. Isu-isu penjajahan ini perlu dipelajari bagi memastikan agar penjajahan kuasa asing tidak lagi berulang di Malaysia.

Kata kunci: ICOM; warisan sejarah; isu penjajahan; galeri; Muzium Pahang

ABSTRACT

Klas Grinell explains that the UNESCO chart (1945) asserts that the trauma of human destruction as a result of the Second World War can be cured with the legacy of civilizations of knowledge, history, culture, and art. Therefore, UNESCO and ICOM emphasize the huge role that museums need to play for the purpose of preserving and studying this historical and cultural heritage. However, among Muslims, there are three paradigms held, especially involving the role of this museum. First, those who are categorically hostile to museums. Second, those who accepted the concept of a museum in absolute terms, and thirdly, the reformers who took a selective stance on the institution of the museum. Unfortunately, the idea of the establishment of the museum itself was initially triggered by British, for the purpose of collecting natural products and valuable collections in Malaya. They also founded colonial knowledge to study the community in the interests of colonization. After independence, the museum was seen as contributing to the development of the country, becoming a leading agency in science, and fostering the nation's identity. The objective of this paper is to reveal the role of the Pahang Museum in the face of British colonial issues in Malaya. The main sources of the study will be the collections of the Pahang Museum, which will be analyzed using the historiography method. As a result, this study found that the Pahang Museum has exposed the issues of British colonialism in Malaya through a series of research projects, colloquiums, publications, and current exhibitions. Establishment of AL-ASAR has furthered these studies by responding to Western orientalist theories, its impact on Islam and the establishment of museum institutions in Malaysia. These colonial issues need to be learned to ensure that the colonization of foreign powers is no longer repeated in Malaysia.

Keywords: ICOM; historical heritage; colonial issue; gallery; Pahang Museum

PENDAHULUAN

Sejarah tamadun dunia mencatatkan terdapat jalinan tiga institusi memori yang bertanggungjawab membangunkan sesebuah tamadun. Institusi memori ini ialah perpustakaan, arkib dan muzium. Ketiga-tiga institusi ini terlibat dalam mengumpul-merawat, menyelidik dan mendidik ahli masyarakat menggunakan warisan sejarah. Atas dasar itu, Margaret Hedstrom (2003) telah mengkategorikan ketiga-tiga institusi memori ini sebagai budaya tinggi milik sesuatu tamadun. Lebih lanjut lagi, Margaret Hedstrom telah meletakkan muzium dalam hirarki pertama berbanding perpustakaan dan arkib. Hal ini demikian kerana institusi muzium telah mendahului kedua-dua institusi yang lain. Usaha pengumpulan bahan alam semula jadi yang dilakukan oleh pengumpul muzium yang awal dikenali dengan nama “*cabinet of curiosities*”, kemudiannya telah mencetus pembentukan perpustakaan, arkib dan universiti.

Muzium ialah institusi yang menumpu perhatian kepada pengumpulan bahan atau objek muzium dalam bentuk ketara (*tangible*) dan tidak ketara (*intangible*). Artifak yang terdapat di muzium dihasilkan melalui kebudayaan dan kearifan tempatan sesuatu masyarakat seperti pakaian, perabut, peralatan muzik, lukisan, binatang, bahan mineral, botani dan zoologi. Objek muzium ini biasanya bermutu tinggi, mempunyai nilai seni, unik, asli (penolakan terhadap usaha peniruan objek) dan mewakili zaman tertentu.

Objek muzium dikategorikan sebagai bahan dokumen yang sangat berharga bagi tujuan penyelidikan. Muzium seperti mana perpustakaan memainkan peranan besar khususnya dalam membantu program pendidikan formal di sekolah. Bahkan kaedah pendidikan di muzium yang dibuat melalui kaedah pameran terbukti lebih berkesan kerana sesuatu artifak itu dapat dilihat dan disentuh, berbanding dengan pembelajaran di sekolah.

LATAR BELAKANG

Selepas tamatnya penjajahan kuasa Barat ke atas negara tanah jajahan iaitu sekitar tahun 1950-an sehingga 1970-an, telah muncul falsafah pascakolonial. Falsafah ini merupakan kesedaran era pascakemerdekaan yang agak unik kerana mampu menjana pelbagai elemen positif untuk pemikiran manusia. Lebih tepat lagi, falsafah pemikiran ini lahir bersamaan dengan munculnya kemerdekaan negara-negara tanah jajahan Barat di seluruh dunia.

Falsafah ini secara tidak langsung mencerminkan kematangan pemikiran masyarakat yang telah diberi status kemerdekaan (Mohamad Daud Mohamad 2005). Antara lainnya, kesedaran ini muncul dalam beberapa bentuk; *pertama*, pemikiran yang mengkritik ideologi kolonialisme. Kolonialisme ialah falsafah politik yang menindas bangsa lain untuk kepentingan kewangan. Jadi, falsafah pascakolonial berusaha melakukan rekonstruksi (membongkar dan menyusun semula) pemikiran ini serta mendedahkan kepincangan ideologi kolonialisme Barat. Lebih penting lagi, pascakolonial berusaha memperincikan bagaimana falsafah dan metodologi kolonialisasi dilakukan. Termasuk juga usaha menilai sama ada neokolonialisme atau pun seumpamanya masih tetap berjalan ataupun tidak. Contohnya telah lahir disiplin *occidentalism* yang bertindak menilai secara kritikal terhadap disiplin *orientalism* (Rahimin Affandi Abd. Rahim 2011). Pada dasarnya, disiplin *occidentalism* ini merupakan usaha selektif iaitu menerima secara terpilih elemen positif dan negatif yang ditinggalkan oleh penjajah British.

Seterusnya, wujud usaha untuk melihat dunia dari sudut pandang golongan yang tertindas (*subaltern*). Pada asalnya, pandangan ini diutarakan oleh pemikir daripada benua Afrika dan India yang mendedahkan sejarah daripada golongan bawahan yang tertindas. Mereka memainkan peranan utama dalam perjalanan sejarah, tetapi peranan mereka dilupakan kerana penulisan sejarah biasanya penuh dengan agenda kolonial dan feudal. Contohnya, Khairudin Juneid (2012) menegaskan bahawa pengasas semangat antikolonialisme sebenar ialah Dr. Burhanudin Helmy dan bukannya tokoh-tokoh pembesar Melayu yang merupakan klon British. Selain itu, wujud juga usaha kritikal dalam mengisi kemerdekaan. Seperti mana kita perlu menggunakan analisis kritikal terhadap dasar kolonial penjajah, hal yang sama juga perlu dilakukan kepada pemerintahan kerajaan peribumi pascamerdeka (Awang Azman Awang Pawi 2009).

UNESCO (1945) dan ICOM (Majlis Muzium Antarabangsa) memang mendokong falsafah pascakolonialisme ini. Kedua-duanya percaya bahawa trauma kemusnahan manusia akibat Perang Dunia Kedua boleh diubati dengan institusi muzium. Oleh itu, UNESCO dan ICOM menekankan peranan besar yang perlu dimainkan oleh muzium untuk tujuan menjaga dan mempelajari warisan sejarah dan budaya ini. Kandungan muzium yang terdiri daripada warisan tamadun ilmu, sejarah, budaya dan seni perlu dipelajari oleh masyarakat dunia.

Berasaskan latar belakang ini, kajian ini akan mengulas peranan Muzium Pahang dalam membawa isu-isu penjajahan British di Tanah Melayu. Kajian ini dibuat berasaskan kepada usaha penyelidikan, penerbitan, kajian koleksi dan galeri yang terdapat di Muzium Pahang. Fokus utama akan diberikan kepada tema pendedahan keburukan falsafah dan dasar penjajahan pihak kolonial di Tanah Melayu. Fakta sejarah ini perlu dipelajari secara selektif iaitu belajar dan mengambil elemen positif daripada penjajahan dan memastikan elemen negatif penjajahan tidak akan berulang lagi.

MUZIUM PAHANG DAN ISU PENJAJAHAN BRITISH DI TANAH MELAYU

Muzium Pahang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Pahang pada tahun 1975 melalui Enakmen Lembaga Muzium Negeri Pahang Bil. 1/1975. Pada 21 Oktober 1976, Istana Kota Beram terletak di Bandar Diraja Pekan secara rasminya telah dijadikan Muzium Negeri Pahang dengan nama Muzium Sultan Abu Bakar. Pada tahun 2007, Muzium Pahang yang mengandungi lima galeri utama telah mengalami bukan sahaja proses transformasi inovatif tetapi juga telah mengharungi arus pembangunan yang pesat yang sewajarnya diberi penumpuan yang khusus.

Transformasi tersebut juga melibatkan penghijrahan konsep Muzium Pahang daripada konsep tradisional kepada konsep muzium dalam taman; “*The Intellectual Garden*” sinonim dengan perkataan German, *freiraum* yang bermaksud ruang yang luas untuk fikiran yang terbuka, idea, imaginasi dan kreativiti yang membawa kepada keyakinan, wawasan serta penyebaran dan perkongsian ilmu. Ini bermakna konsep baharu yang diterapkan oleh muzium menekankan dengan jelas tiga era trajektori Pahang; sebelum, semasa dan selepas penjajahan. Apa yang lebih penting lagi, rangka kerja ini memberi panduan kepada pembinaan muzium yang komprehensif dengan memberikan penekanan kepada identiti, agama dan isu global yang menjadikannya unik dan kontemporari.

Muzium Pahang menyimpan 178 buah manuskrip dalam genre yang pelbagai seperti Hikayat Pahang, Himpunan Cerita Sejarah Pahang, surat-surat raja, pembesar-pembesar Melayu, teks titah ucapan diraja, catatan Sir Frank Swettenham, Diari Hugh Clifford dan surat pemberitahuan pihak kerajaan British yang ditulis menggunakan tulisan jawi.

Kesemua galeri Muzium Pahang mempunyai inti pati falsafah pascakolonial yang terdiri daripada

usaha dekolonisasi (pembebasan dari pengaruh kolonial), penerapan agenda pendidikan, elemen Islamicate (Islam yang dicirikan oleh budaya tempatan) dan agenda pembinaan negara bangsa. Satu elemen yang menarik adalah penggunaan ayat al-Quran sebagai pandangan dunia asas Islam dalam *write-up* dan *storyline* kesemua galeri ini.

Muzium Pahang berusaha menerapkan falsafah *new museum* dalam setiap penyelidikan, persiapan fizikal pameran dan koleksi yang dimiliki. Falsafah ini menekankan aspek pendidikan kepada masyarakat, menjadi pusat ilmu dan perlu terlibat secara aktif dalam mewujudkan pencerahan serta pemikiran kritis yang kondusif dengan realiti zaman global. Atas dasar itu, Muzium Pahang menetapkan bahawa dalam setiap galeri dan koleksi artifaknya perlu ditunjangi dengan penyelidikan ilmiah. Dalam menjelaskan tentang isu penjajahan Tanah Melayu, Muzium Pahang telah menetapkan beberapa perkara asas sebagaimana berikut;

KEPERLUAN MEMAHAMI HAKIKAT PENJAJAHAN BRITISH DI TANAH MELAYU

Secara etimologi, koloni merupakan kawasan baharu yang diduduki oleh orang asing yang berpindah ke sesuatu tempat. Secara termanya, penjajahan adalah istilah buruk bagi setiap aktiviti eksploitasi membabitkan penggunaan kuasa secara kekerasan pihak kuat terhadap pihak yang lemah. Atas dasar itu, kolonialisme merupakan penjajahan dan penguasaan pihak luar kepada pihak tempatan dengan apa-apa matlamat dan kaedah sekalipun, sama ada membabitkan penggunaan kekerasan secara halus atau tipu muslihat (Charles Michael Hawksley 2001).

Bagi Hawksley (2001), semua teknik penjajahan bermatlamat untuk mendapatkan keuntungan maksimum yang dilakukan dengan pelbagai kaedah kawalan supaya dapat bertahan lama melalui struktur dan pentadbiran yang berkuasa. Jadi, secara kerangka asasnya, kolonialisme terbahagi kepada empat jenis;

1. *Plunder* (penjajahan secara ganas untuk tujuan merompak pihak lain). Contohnya apa yang dilakukan oleh King Leopold di Congo, Afrika.
2. *Commence* (perdagangan). Contohnya apa yang dilakukan oleh Belanda di Indonesia.
3. *Expansion* (perluasan kawasan/monopoli ke atas perdagangan dunia). Contohnya apa yang dijalankan oleh British, German dan Perancis.
4. *Administrative* (penjajahan yang menekankan pendekatan pentadbiran demi mendapatkan mengekalkan kuasa yang lebih lama).

Contohnya apa yang dijalankan oleh British di Tanah Melayu.

Apa yang dapat difahami, kesemua jenis penjajahan ini lebih berfokus kepada tujuan menindas masyarakat terjajah sama ada dari aspek mental atau pun fizikal. Terdapat dua kaedah utama yang digunakan oleh pihak British untuk menguasai penduduk di Tanah Melayu, iaitu kaedah dominasi dan kaedah hegemoni. Dominasi ialah penguasaan masyarakat oleh kerajaan atau kelompok tertentu melalui kaedah kekerasan agar patuh kepada sistem, strata dan dasar yang ditetapkan. Manakala hegemoni ialah usaha penguasaan kerajaan atau kuasa kepada rakyat atau massa secara tidak langsung, namun menggunakan pelbagai jalan dan medium yang diakui sah. Hal ini dilakukan dengan cara mencipta suasana yang membuatkan rakyat atau massa merelakan diri mereka untuk dikuasai (Daniel Hutagalung 2004). Contohnya penjajahan dibuat melalui undang-undang atau akta khusus, justifikasi ahli agama, sistem pendidikan dan politik yang sah melalui pemilihan rakyat teramai (demokrasi) dan terpenting sekali penggunaan media massa (Roge Simon 1999).

Keberkesanan kaedah ini adalah kerana menggunakan peranan intelektual dan moral yang mampu membentuk *public opinion* masyarakat melalui media massa (Faizal Musa 2011). Apa yang jelasnya, sesuatu kuasa dapat bertahan lama dengan menggunakan kedua-dua kaedah ini sekaligus. Tuntasnya, apabila hegemoni diperolehi, maka rakyat akan mengakui keabsahan kuasa pemerintah dengan sebab faktor moral, yang menyebabkan rakyat akan taat dan gagal menyedari bahawa diri mereka sedang ditindas. Seolah-olahnya, mereka menganggap sistem itu sebagai adil dan sesuai dengan kehendak tuhan. Hasilnya, kekejaman British di Tanah Melayu seperti peristiwa *ethnic cleansing* di Perak, Pahang dan Kelantan berjaya ditutup apabila mereka menggunakan kaedah hegemoni ini. Kononnya, mereka bukannya menindas rakyat, namun bertindak untuk menjaga keamanan di Tanah Melayu dengan autoriti daripada raja Melayu.

Muzium Pahang memaparkan hakikat penjajahan British di Tanah Melayu dengan menghasilkan buku Pahang dalam Catatan Kolonial. Buku ini antara lain mengupas berkaitan sejarah Pahang dalam dua era yang berbeza; semasa zaman pemerintahan tradisional dan semasa zaman kolonial British. Penaklukan negeri-negeri Melayu oleh British pada akhir abad ke-19 telah membawa perubahan besar terhadap sistem pemerintahan

tradisional serta peranan raja itu sendiri. Buku ini turut membincangkan tentang struktur geografi, ekonomi, tokoh pejuang tempatan serta pegawai British yang terlibat secara langsung dalam pentadbiran Pahang (Ahmad Farid Abd Jalal 2022).

NISBAH PENJAJAHAN BENTUK BAHARU YANG BAKAL BERLAKU

Menurut kupasan Osman Bakar (2003), penjajahan ada kaitannya dengan proses globalisasi. Pertembungan pelbagai tamadun yang dikenali dengan globalisasi bukanlah fenomena baharu, perkara ini pernah berlaku dalam sejarah manusia sejagat. Globalisasi pertama timbul dengan perkembangan perdagangan dan penyebaran agama Islam di alam Melayu daripada Tanah Arab dan kawasan Indo-Pakistan. Impak positifnya boleh dilihat apabila masyarakat Melayu menerima Islam dan membangunkan tamadun material dan intelektual yang cukup tinggi. Globalisasi gelombang kedua berlaku dengan kedatangan pelbagai kuasa penjajah Barat yang bersifat menindas. Secara jelas, globalisasi kedua dimulai dengan penjajahan British di Tanah Melayu (McVey, Ruth T. 1998). Berbanding dengan tahap globalisasi pertama, globalisasi kedua membawa beberapa elemen buruk (Sivachandralingam 2001);

1. pihak Barat membahagikan dunia kepada dua bahagian iaitu tanah penjajah dan kawasan tanah jajahan.
2. wujudnya perniagaan hamba, senjata api dan candu.
3. rosaknya demografi penduduk pribumi dengan datangnya bangsa imigran asing.
4. lahirnya ilmu kolonial-orientalis yang menyebarkan idea kelemahan bangsa dijajah yang kekal sehingga meninggalkan kesan epistemologi negatif yang kekal selepas Malaysia merdeka.

Proses penjajahan kuasa Barat silam kini telah berulang kembali yang hakikatnya merupakan penerusan daripada globalisasi kedua. Dalam era globalisasi, kepentingan kelompok dan kawasan geografi tertentu (Nation-State) cuba dihapuskan. Kesedaran ini timbul akibat daripada tragedi Perang Dunia Kedua yang mengorbankan berjuta-juta nyawa manusia. Hasilnya, pihak Barat telah menekankan kewujudan konsep *New World Order* untuk kepentingan manusia sejagat. *New World Order* ini mempunyai beberapa agenda yang utama; *pertama*, sempadan kawasan sesuatu geografi yang ditentukan oleh kuasa politik sudah tidak relevan

lagi kerana dunia telah semakin mengecil seolah-olah menjadi perkampungan kecil (*global village*).

Kedua, kedaulatan sesuatu negara sudah tiada, kerana program pembangunan sesuatu negara bangsa ditentukan oleh syarikat gergasi dunia (*Trans National Company*). TNC ini dikuasai oleh kuasa imperialisme kapitalis Barat yang mampu mencorakkan situasi masyarakat dunia. *Ketiga*, dengan penguasaan mutlak terhadap teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), TNC mampu mencorakkan pemikiran masyarakat dunia dengan pemikiran yang dicanangkan sebagai lebih bermutu, moden, bersifat semasa dan penuh dengan nilai kemanusiaan sejati. Asas pemikiran ini bersumberkan kepada paradigma pemikiran sekularisme (antiagama).

Keempat, semua konsep dan idealisme Barat era sebelum zaman *post-modernism* bukan sahaja perlu dikaji semula, bahkan perlu ditolak sepenuhnya demi untuk kebaikan manusia sejagat. Namun begitu, penolakan ini tidak berlaku kepada sekularisme yang masih lagi dipegang dan menjadi asas yang kukuh untuk pemikiran *post-modernism*.

Idea *New World Order* ini tidak secara mutlak diterima oleh masyarakat dunia. Terdapat sebilangan sarjana termasuklah masyarakat Barat sendiri yang menentang keras idea ini. Penentangan ini dilihat telah dilakukan oleh tiga kelompok yang utama;

1. Pemimpin politik negara dunia ketiga yang mendakwa program *New World Order* ini lebih bermatlamat mengekalkan kepentingan dominasi kuasa kapitalis Barat. Idea ini secara langsung menindas dan tidak mempedulikan kedaulatan negara dunia ketiga.

2. NGO Barat yang menentang hebat program globalisasi kerana dikatakan lebih berpihak kepada kuasa negara Barat menindas negara mundur.
3. Penganut agama terbesar dunia, termasuklah agama Islam. Mereka telah mencerakinkan taktik penjajahan mental dan fizikal berteraskan fahaman sekularisme-kapitalisme yang dibawa oleh kuasa Barat.

Dalam menjelaskan tentang nisbah penjajahan baharu yang bakal berlaku, Muzium Pahang melalui Galeri Islam di Pahang, Muzium Masjid Sultan Abdullah mempamerkan tentang sejarah perkembangan Islam di Pahang sehingga membangunkan tamadun material dan intelektual yang tinggi seperti penghasilan manuskrip Hukum Kanun Pahang pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Ghaffar Muhyiddin Shah (1592-1614). Penjajahan barat yang telah berlangsung selama ratusan tahun di Tanah Melayu dilihat telah berjaya membentuk suatu paradigma pemikiran kebanyakan umat Islam kepada cenderung terhadap nilai-nilai yang dibawa oleh Barat berbanding nilai-nilai yang dibawa oleh Islam. Perkara ini boleh dilihat menerusi cara berfikir masyarakat Islam Malaysia selepas merdeka yang dilihat seolah-olah tidak terasa kepada kehilangan undang-undang Islam yang sebelum ini merupakan undang-undang yang didaulatkan di tanah air mereka (Ahmad Farid Abdul Jalal 2016). Galeri ini secara tidak langsung menolak dakwaan penjajah yang merendahkan tanah jajahan serta membongkar kesan negatif kedatangan penjajah British di Pahang.



GAMBAR 1. Manuskrip Hukum Kanun Pahang.

NISBAH PENINDASAN FIZIKAL, MENGAUT HASIL BUMI, MEMUSNAH IDENTITI, MARUAH DAN JATI DIRI MASYARAKAT DIJAJAH

Penjajah British menjalankan perdagangan yang amat negatif iaitu mementingkan keuntungan melebihi perkara lain, sehingga sanggup menindas dan menjejaskan kemanusiaan itu sendiri (Richard B. Allen 2009). Mereka terlibat dalam perdagangan senjata api, candu dan hamba. British didakwa kurang terlibat dalam aktiviti *ethnic cleansing* berbanding dengan penjajah Belanda. Hal ini terbukti dengan usaha Belanda menghapuskan pemberontakan di Jawa, Aceh dan Sumatera. Namun begitu, fakta sejarah menunjukkan hal yang sebaliknya. Sebagai respons kepada pembunuhan J.W.W Birch, pihak British telah melakukan penjarahan beberapa kampung di Perak yang membabitkan pemusnahan kampung, anak sungai, rumah dan pembunuhan masyarakat yang enggan bekerjasama dengan British dalam usaha mereka mencari Dato' Maharaja Lela. Aksi ganas yang dilakukan ini mendapat bantahan daripada Pejabat Tanah Jajahan di London (Michelle Gordon 2017).

Demi menjaga maruah dan jati diri, masyarakat Melayu-Islam di alam Melayu melancarkan perang jihad bersenjata. Matlamatnya untuk memastikan agar kerajaan Islam dapat dipertahankan, kerana tanpa kerajaan sudah pasti pengamalan Islam yang syumul mustahil dapat dijalankan. Kerajaan Islam ini diperlukan bagi melaksanakan pelaksanaan syariah dan memungkingkan syiar Islam berkembang pesat di samping mewujudkan perpaduan ummah Islam (Rahimin Affandi Abdul Rahim 2017).

Bagi Dr. Burhanuddin Helmi, semangat sayangkan tanah air ini mempunyai hubungan simbiotik (saling berkait) dengan Islam. Terdapat empat elemen yang berkaitan dengan semangat sayangkan bangsa ini iaitu iman, diri, bangsa dan watan. Iman berdiri di atas diri. Diri berdiri di atas bangsa dan bangsa mesti berdiri di atas watan. Seperti mana manusia perlukan kebebasan dan kemerdekaan untuk hidup dan melayakkannya dikenakan taklif syarak, maka kemerdekaan bangsa dan watan sangat diperlukan untuk memastikan agama dapat ditegakkan di atas bumi (Kamaruddin Jaffar 2000).

Penindasan ini termasuk tindakan penjajah British merompak artifak dan manuskrip sejarah milik masyarakat Melayu. Sejarah mencatatkan bahawa *British Museum* telah dibina melalui jalan

penindasan iaitu penjajahan terhadap bangsa asing. Isi kandungan *British Museum* telah dipenuhi dengan hasil rampasan daripada masyarakat tanah jajahan British di seluruh dunia (Charlotte Morgan 2015). Hal ini telah memalukan sarjana Barat semasa dan terbukti dengan hasil kajian terhadap pengunjung di *British Museum* yang mendapati bahawa pengunjung *British Museum* menyatakan koleksinya diisi dengan hasil rompakan dan penindasan ke atas bangsa lain (Emily Duthie 2011).

Joseph Maria (2016) telah melakukan kajian terhadap artifak masyarakat tanah jajahan yang tersimpan di muzium Barat. Hasil kajian mendedahkan daripada rekod sejarah yang dicatat oleh penjajah Eropah sendiri tentang beberapa fakta yang agak menggemparkan. Antaranya, artifak berharga milik masyarakat peribumi di Afrika, Timur Tengah, India dan Asia kebanyakannya dirampas oleh penjajah Eropah yang dianggap sebagai harta rampasan perang. Mereka memang mengetahui bahawa artifak yang berupa patung objek keagamaan, perhiasan emas, tembaga, gading, peralatan senjata, manuskrip ilmu dan sebagainya memang mempunyai pasaran yang tinggi di Eropah. Contohnya, Raffles dicatatkan telah merompak barangan istana keraton di Jogjakarta.

Fenomena mengumpulkan artifak eksotik dalam koleksi muzium memang menjadi keghairahan di Eropah pada abad ke-18. Peminat barangan eksotik ini sanggup membeli dan menaja proses mendapatkannya di tanah jajahan. Dilaporkan timbul rungutan pihak muzium pusat di Eropah tentang ketiadaan ruang yang mencukupi untuk menyimpan jumlah artifak yang terlalu banyak.

Memang diakui, wujud artifak atau manuskrip yang dihadiahkan oleh pemerintah alam Melayu kepada kuasa penjajah British dan Belanda sebagai tanda hubungan diplomatik yang dibina. Namun begitu, sejarah mencatatkan sebahagian besar artifak ini seperti mana tercatat di muzium Barat sebagai *token of war*. Ada sesetengahnya dijadikan sebagai bahan historiografi milik masyarakat tanah jajahan. Apa yang malangnya, kesemua bahan historiografi ini apabila dilakukan kajian oleh sarjana kolonial sering didedahkan sebagai tidak bermutu dan penuh dengan elemen mitos. Bahkan dijadikan alat utama untuk merendahkan masyarakat terjajah.

Galeri Kesultanan Melayu Pahang membongkar aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh penjajah seperti mengaut hasil bumi, memusnah identiti, maruah dan jati diri masyarakat di Tanah Melayu melalui dokumen perjanjian antara Duli Yang Maha Mulia

Sultan Ahmad al-Mu'adzam Shah dengan Gabenor Negeri-negeri Selat yang dimeterai pada bulan April tahun 1888 dan surat kebenaran mengutip cukai bertarikh 10 Mei 1889. Peristiwa ini telah menimbulkan rasa tidak senang hati penguasa tempatan seperti Dato' Bahaman, Tok Gajah dan Mat

Kilau sehingga tercetusnya pertempuran di Lubuk Terua, Temerloh pada Mac 1892 dan peristiwa Jeram Ampai pada tahun 1894. Galeri ini juga memaparkan gambaran pelukis dan artifak-artifak yang digunakan semasa pertempuran tersebut.



GAMBAR 2. Perjanjian Sungai Salan, Perjanjian Pembesar Melayu Pahang melawan penjajah British

PENJAJAH MEMERANGI ISLAM DAN MENGALAKKAN PENYEBARAN AGAMA KRISTIAN

Penjajah British telah berpegang pada semangat Perang Salib yang memusuhi Islam. Hal ini demikian kerana mereka menyedari bahawa Islam adalah musuh yang bakal menggagalkan usaha penjajahan. Mereka menyedari tentang bahaya Islam sebagai pemangkin perjuangan menentang penjajah. Dalam usaha pihak kolonial mengkaji semua aspek struktural masyarakat Melayu, mereka memaklumi bahawa Islam dan institusi pengajian Islam memang menjadi asas kekuatan jati diri Melayu. Bagi British dan Belanda, Islam adalah umpama racun yang perlu diawasi. Namun begitu, hal ini tidak boleh dilakukan secara terang-terangan kerana bimbang akan mengundang penentangan orang Melayu. Sebagai contoh, sarjana kolonial seperti R.J. Wilkinson dan Winstedt dalam perancangan sekolah Melayu telah membuang subjek sejarah Islam daripada kandungan sukatan pelajaran sekolah Melayu (Arba'iyah Mohd

Noor 2001). Hal ini disedari bakal menimbulkan kesedaran masyarakat tentang kegemilangan Islam menguasai dunia suatu masa dahulu (Mehmet Ozay 2011).

Selain itu, sarjana-pentadbir British yang menjadi tokoh utama membangunkan ilmu kolonial memang terdiri daripada lulusan universiti-universiti di Barat yang terdedah dengan gerakan orientalisme. Jadi mereka memaklumi bahawa trauma Perang Salib telah menyebabkan umat Islam memusuhi kuasa Barat. R.J. Wilkinson (1906) dalam kompilasi kajiannya tentang masyarakat Melayu yang dijadikan teks utama untuk latihan kadet kolonial menegaskan tentang bahayanya peranan Islam bagi kuasa British. Begitu juga halnya dengan Snouck Hurgonje sebelum dilantik sebagai penasihat Belanda di Indonesia, beliau pernah melakukan tesis tentang institusi haji di Timur Tengah. Lagipun, sarjana British dan Belanda (walaupun bermusuhan) telah saling berhubungan dalam menangani Islam di kawasan jajahan masing-masing (Matthew Schauer 2012).

Pihak kolonial British dan Belanda membuka peluang luas kepada gerakan Kristian di alam Melayu. Terdapat banyak gereja dan sekolah *missionary* dibina di Pantai Barat Tanah Melayu pada abad ke-19. Namun begitu, hubungan antara gerakan Kristian dengan orang Melayu tidak berkembang dengan baik kecuali usaha individu tertentu pada awal abad ke-19. Contohnya, direkodkan bahawa William Milne telah berjaya mengkristiankan orang Melayu dalam jumlah yang kecil. Antara sebab utama penolakan orang Melayu terhadap agama Kristian ialah gerakan jihad anti-British dan kekuatan akidah Islam orang Melayu. Michael Northcott telah menjadikan hubungan William Milne dan Abdullah Munshi sebagai model hubungan antara Islam dan Kristian pada awal abad ke-19. Namun, hal ini tetap tidak dapat diterima oleh masyarakat Melayu sehingga ada pengkritik menganggap Abdullah Munshi sebagai tali barut Inggeris dan digelar sebagai Abdullah Paderi (Mohd Taib Osman 1986).

Orang Melayu umumnya tidak menerima ajaran Kristian. Tidak dinafikan bahawa usaha pengkristianan giat dijalankan oleh *The London Missionary Society* di Tanah Melayu, namun amat sukar bagi mereka untuk memurtadkan orang Melayu seperti yang dijelaskan oleh John Rauws (1911), "... many missionary societies are at work, but not as directly to the Moslems... there is no mission, however, among the heathen in Malaysia which does not come in contact with Islam."

Terdapat beberapa orang paderi Kristian yang bergiat cergas dalam penyelidikan masyarakat Melayu dan bertindak sebagai kaedah asas untuk penyebaran agama Kristian. Buktinya, Francis Xavier dan Shallabear telah mempelajari tulisan jawi untuk tujuan penyebaran dan penterjemahan Bible dalam bahasa Melayu. Seperti mana halnya dilakukan oleh sarjana-pentadbir kolonial yang mengumpul dan mengkaji tentang masyarakat Melayu, hal yang sama telah dilakukan oleh paderi Kristian ini. Tetapi usaha ini tetap gagal mengkristiankan masyarakat Melayu dalam jumlah yang besar.

Pihak Kristian dibenarkan membuka sekolah di Tanah Melayu. Pada peringkat awalnya, keluarga Melayu tidak membenarkan anak-anak mereka memasuki sekolah ini kerana dibimbangkan anak mereka akan dikristiankan secara sistematik (T.J. Newbold 1971). Hal ini disebabkan semangat kebencian terhadap agama Kristian yang diterapkan oleh mubaligh Islam awal. Lagipun, kebimbangan

ini memang berasas apabila dilihat kepada kesungguhan usaha yang dijalankan oleh paderi Kristian.

Mengikuti laporan pihak kolonial sendiri, sebab utama masyarakat Melayu berbuat demikian adalah kerana mereka mendapati pengajaran al-Quran telah dimansuhkan. Sedangkan masyarakat Melayu mahukan pendidikan agama, termasuklah subjek al-Quran yang menjadi keutamaan kepada anak-anak mereka. Setelah pengajaran al-Quran dimasukkan dalam sukatan pelajaran sekolah Melayu, barulah masyarakat Melayu bersetuju menghantar anak-anak mereka ke sekolah Melayu (W.H. Treacher 1894). Hal ini secara langsung menunjukkan usaha mubaligh Islam awal memang meninggalkan kesan yang besar kepada masyarakat Melayu.

Pihak kolonial cukup teliti dalam membuat perancangan memberikan pendidikan kepada anak Melayu. Selepas berjaya memujuk anak-anak Melayu menghadiri sekolah Melayu, kemudiannya subjek bahasa Inggeris diperkenalkan menggunakan tulisan rumi seiring dengan tulisan jawi (E.C. Hill 1895). Kemudian, dalam *Report of the Committee on Malay Education Federation of Malaya* (1951), subjek tulisan jawi ini dihapuskan dengan alasan bahawa pelajar terlalu dibebankan untuk mempelajari dua bentuk tulisan sekaligus. Bahkan sebenarnya seperti mana dicatat oleh William Roff bahawa tulisan rumi ini mempunyai agenda pengkristianan masyarakat Melayu yang diusahakan oleh mubaligh Kristian untuk memperkenalkan teks sastera Inggeris termasuk juga Bible kepada masyarakat Melayu. Hal ini diperkukuhkan lagi oleh Wilkinson, orang yang dipertanggungjawabkan menyediakan teks *Malay Readers*. Dokumen ini digunakan sebagai teks wajib di sekolah-sekolah Melayu yang mengandungi petikan karya sejarah Melayu dan Hikayat Abdullah yang menurutnya perlu dipelajari menggunakan tulisan rumi, kononnya bagi mewujudkan perpaduan sesama pelajar.

Muzium Pahang telah menerbitkan sebuah buku berjudul Tradisi Keilmuan Bahasa Jawi yang mengulas isu-isu berkaitan asas-asas kekuatan bangsa Melayu-Islam melalui bahasanya. Bahasa Jawi sangat berkait rapat dengan tradisi keilmuan Islam serta al-Quran yang menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa perantaraan. Melalui bahasa ini, masyarakat Melayu bukan sahaja dapat menguasai ilmu agama dengan baik, bahkan turut membuka ruang kepada percambahan ilmu-ilmu lain. Namun, kedatangan penjajah ke Tanah Melayu telah

menggunakan tulisan rumi sehingga meminggirkan tulisan jawi sebagai bahasa utama masyarakat Melayu sekali gus memudahkan penyebaran agama Kristian kepada masyarakat Melayu (Muhammad Syukri Rosli 2022).

PENGARUH IDEOLOGI PENJAJAHAN DALAM ILMU KOLONIAL DAN MUZIUM DI TANAH MELAYU

Terdapat empat legasi yang ditinggalkan oleh pihak British di Tanah Melayu iaitu sistem banci, sistem peta, muzium dan ilmu kolonial. Ironinya, pada peringkat antarabangsa keempat-empat legasi kolonial ini diwartakan sebagai hasil ilmu yang paling objektif, seolah-olahnya dihasilkan melalui kajian ilmiah murni tanpa ada bias atau kepentingan agenda penjajahan.

Pada dasarnya, keempat-empat legasi inilah yang merangkumi ilmu kolonial iaitu ilmu yang dihasilkan oleh sarjana-pentadbir British melalui penyelidikan lapangan di Tanah Melayu. Ilmu ini mengandungi serba serbi maklumat tentang masyarakat tanah jajahan bagi tujuan pengawalan dan pemantauan berupa pelbagai kajian yang membabitkan latar belakang manusia alam Melayu dalam bentuk laporan, hasil bancian, jurnal ilmiah, catatan peribadi, bibliografi dan manuskrip (Knaap 1994).

Maknanya, kita dapat memahami bahawa usaha pengumpulan semua perkara membabitkan masyarakat dan alam sebenarnya bermatlamatkan untuk memahami dan membentuk ilmu tentang masyarakat Melayu, yang dijadikan asas atau alat untuk menguasai mentaliti masyarakat Melayu. Usaha ini berasaskan dasar dan epistemologi (falsafah, pendekatan, metodologi dan tafsiran) yang dilakukan oleh sarjana penjajah kolonial British tentang masyarakat tanah jajahan.

Matlamat penjajah British di Tanah Melayu adalah untuk mendapatkan sebanyak mungkin hasil bumi. Bagi tujuan itu, mereka perlu mendapatkan maklumat lengkap tentang semua perkara berkaitan masyarakat tanah jajahan. Daripada data yang terkumpul ini, mereka dapat mengetahui potensi sumber hasil bumi yang dimiliki di Tanah Melayu bagi memastikan pelaburan mereka menguntungkan. Di samping itu, mereka juga dapat mengetahui ancaman yang bakal menggugat usaha mereka, seterusnya menyusun masyarakat yang aman dan tidak akan memberi masalah kepada mereka. Data-data ini berbentuk *tangible* dan *intangible*. Data dalam bentuk bahan bertulis akan disimpan di arkib

dan bahan artifak akan disimpan dan dipamerkan di muzium (Syed Muhd Khairudin Aljunied 2011).

Oleh yang demikian, maklumat yang terkumpul (nukleus terpenting ilmu kolonial) telah menjadi bahan ilmu dan komoditi yang laris dijual pada peringkat antarabangsa bagi mana-mana pihak yang berminat. Masalah terbesarnya ialah bahan-bahan ilmu yang diberikan atau dipaparkan dalam jurnal antarabangsa ini penuh dengan fakta dan tafsiran yang salah iaitu dalam bentuk paparan binari antara kita dan mereka. Kita (orang Barat) lebih baik dan beradab berbanding dengan mereka (masyarakat tanah jajahan). Memang betul, teori yang diberikan oleh Foucault (1978), ilmu dan kekuasaan berjalan seiring. Mereka memaparkan bangsa Melayu untuk tujuan merendahkan dan menjustifikasikan penjajahan mereka. Masalah yang lebih parah lagi ialah mereka memotretkan bangsa Melayu sebagai bangsa yang statik sampai bila-bila.

Jadi, dapat difahami bahawa ilmu kolonial adalah ilmu tentang masyarakat tanah jajahan yang dikumpul, dianalisis dan dipersembahkan mengikut sudut pandang Barat. Walaupun ilmu ini kelihatannya agak lengkap, tetapi tetap mempunyai banyak kelemahan (Hanapi Dolah 1983). Antaranya seperti bias kepada pihak kolonial. Mereka telah mewujudkan *pre conceived idea* berbentuk binari; bahawa peribumi lemah yang perlu ditamadunkan melalui penjajahan.

Ilmu kolonial tidak lengkap kerana dibuat secara sepintas lalu dan umum semata-mata. Sebagai contoh, pihak British telah mengkaji tentang agama Hindu di India daripada pengalaman berjumpa dengan masyarakat India yang kemudiannya dikategorikan sebagai agama Hindu. Hal ini dilakukan tanpa merujuk sendiri kepada sumber agama Hindu itu sendiri yang lebih merupakan sumber *heresy* (agakan) semata-mata. Hasil kajian ini dikatakan sebagai agama Hindu yang disahkan melalui penerbitan pada peringkat antarabangsa. Apabila hal ini tidak dibantah oleh pakar agama Hindu, pendapat ini telah dianggap sebagai betul dan boleh dijadikan sebagai sumber yang berautoriti.

Selain itu, mereka menilai dan membawa pengalaman di Eropah untuk dibandingkan dengan sejarah Tanah Melayu. Contohnya, mereka menerangkan tentang keburukan sistem feodal dan nisbah pemikiran kolot yang dipegang oleh orang Melayu dengan pengalaman bangsa Eropah Zaman Kegelapan (*Dark Age*). Hal ini salah kerana semasa mereka berada di zaman tersebut, Tamadun Melayu-Islam sudah muncul di alam Melayu dengan segala pencapaian yang tinggi.

Seterusnya, ilmu kolonial telah membuat generalisasi yang sangat negatif tentang orang Melayu. Mereka hanya dikatakan sebagai bangsa petani yang malas dan tidak mempunyai keupayaan intelektual untuk berubah. Sedangkan mengikut Joel Kahn (2006), hujah sifat stereotaip Melayu ini salah. Beliau menyebut pada abad ke-19 hingga 20, memang ada ramai orang Melayu yang menjadi saudagar di kawasan bandar yang sedang berkembang pada waktu penjajahan British. Bahkan peratusan mereka mencapai 11 hingga 15 peratus daripada penduduk bandar besar daripada tahun 1911 hingga 1947.

Terdapat banyak sekali impak negatif yang ditinggalkan oleh ilmu kolonial dan muzium di Malaysia yang sarat dengan agenda kolonialisme. Pihak British menjadikan masyarakat tanah jajahan sebagai bahan untuk dipamerkan dalam muzium. Masyarakat Melayu telah menjadi bahan pameran (*imagined communities*) yang digambarkan mengikut kehendak pihak British bersesuaian dengan falsafah Barat ketika itu iaitu Darwinisme meliputi *evolutionism* dan *diffusionism* (Hisrchman 1987).

Menurut Edward Said (1981), apa yang dipersembahkan pihak British tidak semestinya betul kerana dibuat daripada kaca mata mereka tanpa mengambil kira pandangan masyarakat tanah jajahan, seterusnya menjadi bahan untuk perniagaan atau alat untuk merendahkan masyarakat peribumi. Maknanya, bagi sesetengah sarjana moden, proses ini boleh dikatakan sebagai proses *othering*; menilai orang lain serta mewujudkan nisbah binari antara kita dengan mereka. Asas yang diperkenalkan oleh pihak British ini tetap kekal hingga sekarang, terbukti dengan wujudnya elemen *Islamophobia* (menggambarkan Islam sebagai agama yang menakutkan) di Eropah (Idi Subandy Ibrahim & Asep Symasul M. Romli 2007).

Justeru, Muzium Pahang melalui Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Al-Sultan Abdullah – Muzium Pahang (AL-ASAR) telah menaja beberapa kajian ilmiah berkaitan ilmu kolonial di alam Melayu, rekonstruksi sejarah Islam di Pahang, serta kesedaran muzium baharu pascakolonial. Kajian-kajian ini antara lain memperkenalkan peranan ilmu kolonial dalam pembinaan sejarah alam Melayu, menjawab teori-teori orientalis Barat, kesannya terhadap Islam dan pembentukan institusi muzium di Malaysia. Ilmu kolonial digunakan untuk mengkaji masyarakat tanah jajahan secara lebih tuntas dan memberi impak yang sangat besar dalam

aspek pemuziuman di Malaysia (Rahimin Affandi Abd Rahim 2017).

KESIMPULAN

Isu kemanusiaan sejagat yang ditimbulkan oleh falsafah *euro-centric* dan penjajahan oleh pihak Barat terhadap negara bukan Eropah telah mendapat pendedahan masyarakat dunia. Isu ini ditimbulkan melalui falsafah pascakolonialisme dan kesedaran nasionalisme Islam. Di Malaysia, hasil usaha rekonstruksi sejarah Islam melalui institusi Muzium Pahang mendapati dominasi pengaruh kolonial British dalam bidang pemuziuman amat besar sekali. Di bawah kesedaran pascakolonialisme dan Islam, kesemua pengaruh kolonialisme negatif milik pihak British dalam bidang muzium berjaya dikenalpasti, dipelajari, dipamer dan diambil iktibar agar sejarah serta isu-isu berkaitan penjajahan ini tidak akan berulang kembali.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai oleh skim geran penyelidikan Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Al-Sultan Abdullah – Muzium Pahang (AL-ASAR) yang bertajuk Meraikan Ilmu (001. KOLONIALISME/2021). Sehubungan dengan itu, pihak penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada AL-ASAR atas sumbangan dana yang telah diberikan.

RUJUKAN

- Ahmad Farid Abdul Jalal. 2016. *Muzium Masjid Sultan Abdullah: Meraikan Kepelbagaian*. Pulau Pinang: The Phoenix Sdn. Bhd.
- Ahmad Farid Abdul Jalal. 2022. *Pahang Dalam Catatan Kolonial*. Kuantan: Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun al-Sultan Abdullah.
- Arba'iyah Mohd Noor. 2001. Pensejarahan di dalam Tradisi Barat dan Melayu: Satu perbandingan ringkas. Dlm. *Jendela Masa*, disunting oleh Redzuan Othman, 26-27. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Awang Azman Awang Pawi. 2009. Menulis dengan Budaya Pascakolonial: Analisis Catatan Kembara. *Jurnal Pengajian Media* :133-148.
- Charles Michael Hawksley. 2001. *Administrative Colonialism: District Administration and Colonial Middle Management in Kelantan 1909-1919 and the Eastern Highland of Papua New Guinea 1947-1957*. Tesis kedoktoran University of Wollongong.
- Charlotte Morgan. 2015. *In the Name of the Empire: How Collections Were Used in the 18th and 19th Centuries to Strengthen Britain's International Powerbase*. Tesis PhD University of Leicester.

- Daniel Hutagalung. 2004. Hegemoni, kekuasaan dan ideologi. *Diponegoro 74: Jurnal Pemikiran Sosial, Politik dan Hak Asasi Manusia* 12: 1-16.
- E. C. Hill. 1895. *Annual Educational Report, 1894, Straits Settlements Annual Reports for the Years 1894*. Singapore: Printed at the Government Printing Office, h. 172.
- Edward Said. 1981. *Covering Islam, How the Media and the Experts Determine How We See the Rest of the World*. London, h. 39-62.
- Emily Duthie. 2011. The British Museum: An imperial museum in a post-imperial world. *Public History Review* 18: 12-25.
- Faizal Musa. 2011. Wacana sastra transendental. *Jurnal Pengajian Media Malaysia* 13(2): 29-40.
- Foucault, Michel. 1978. *The History of Sexuality: An Introduction*. United States: Pantheon Books.
- Hanapi Dolah. 1983. Struktur dan hubungan masyarakat melayu tradisional berdasarkan sejarah Melayu: Satu perbincangan teoritis. *SARI* 1(2): 125-139.
- Hirschman, C. 1987. The meaning and measurement of ethnicity in Malaysia: An analysis of census classifications. *Journal of Asian Studies* 46(3): 568.
- Idi Subandy Ibrahim & Asep Symasul M. Romli. 2007. *Amerika, Terrorisme dan Islamophobia*. Bandung: Nuansa.
- Joel S. Kahn. 2006. *Other Malays: Nationalism and Cosmopolitanism in the Modern Malay World*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- John Rauws. 1911. Islam and Christianity in Malaysia. *The Moslem World* 1(3): 246-247.
- Joseph Maria van Beurden. 2016. Treasures in Trusted Hand Negotiating the Future of Colonial Cultural Objects. Tesis kedokteran untuk Universiti Amsterdam.
- Kamaruddin Jaffar. 2000. *Dr. Burhanuddin Al-Helmy: Pemikiran dan Perjuangan*. Kuala Lumpur: IKDAS.
- Khairudin Juneid. 2012. Theorising Colonialism in The Malay World. Dlm. *Social Science and Knowledge in a Globalizing World*, disunting oleh Zawawi Ibrahim, 201-218. Petaling Jaya: PSSM.
- Ahmad Farid Abd Jalal
Muzium Pahang
26600 Pekan, Pahang
E-mel: farid.museumpahang@gmail.com
- Ahnaf Wafi Alias
Muzium Pahang
26600 Pekan, Pahang
E-mel: awhaukm@gmail.com
- Siti Maimunah Binti Kahal
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Shah Alam
40450 Shah Alam, Selangor
E-mel: mykahal89@yahoo.com
- Rahimin Affandi Abd Rahim, Ph.D
Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti
Malaya,
50603 Kuala Lumpur.
E-mel: faqir_ila_rabbih@um.edu.my
- Knaap, G. 1994. One Hundred and Fifty Volumes of Bidragen, Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde. *150 Volumes of Bidragen: A backward Glimpse and a Forward Glimpse* 150(4): 637-652.
- Margaret Hedstrom & John Leslie King. 2003. On the LAM: Library, Archive, and Museum Collections in the Creation and Maintenance of Knowledge Communities, Paris: France, *Organisation for Economic Co-Operation and Development*.
- Matthew Schauer. 2012. Custodians of Malay Heritage: Anthropology, Education, and Imperialism in British Malaya and The Netherlands Indies 1890-1939. Tesis kedokteran untuk University of Pennsylvania.
- McVey, Ruth T. 1998. Globalization, Marginalization, and the Study of Southeast Asia, Southeast Asian Studies: Reorientations. *The Frank H. Golay Memorial Lectures 2 & 3*. Ithaca, NY: Cornell University Southeast Asian Program.
- Mehmet Ozay. 2011. A Revisiting Cultural Transformation: Education System in Malaya During the Colonial Era. *World Journal of Islamic History and Civilization* 1(1): 37-48.
- Michelle Gordon. 2017. British Colonial Violence in Perak, Sierra Leone and The Sudan. Tesis kedokteran untuk Royal Holloway, University of London.
- Mohamad Daud Mohamad & Zabidah Yahya. 2005. *Pascakolonialisme dalam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman. 1986. *An Introduction to the Development of Modern Malay, Language and Literature*. Singapore: Times Book International.
- Muhammad Syukri Rosli, Ahnaf Wafi Alias. 2022. *Tradisi Ke'ilmuan Bahasa Jawi*. Kuantan: Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun al-Sultan Abdullah.
- Osman Bakar. 2003. Globalisasi dan Peradaban. Dlm. A. Aziz Deraman (pnyt.). *Globalisasi dalam Peradaban di Malaysia*, hlm. 33-38. Kuala Lumpur: DBP.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. 2011. Metodologi Disiplin Occidentalisme Alternatif: Tumpuan Khusus Terhadap Pandangan Orientalis Terhadap Hukum Islam. *Jurnal Syariah* 19(3): 213-248.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. 2017. Dimensi Jihad dalam Perjuangan Pahlawan Melayu Menentang Penjajah di Pahang. *Jurnal Melayu DBP* 10(1): 90-107.
- Richard B. Allen. 2009. *European Slave Trading in the Indian Ocean, 1500-1850*, Ohio: Ohio University Press Athens.
- Roge Simon. 1999. *Gagasan-Gagasan Politik Gramsci*. Yogyakarta: Penerbit INSIST.
- Sivachandralingam Sundara Raja. 2001. Sumbangan Pedagang Negeri (*Country Traders*) dalam Penulisan Sejarah Malaysia. Dlm. Mohammad Redzuan Othman (pnyt.). *Jendela Masa: Kumpulan Esei Sempena Persaraan Dato' Khoo Kay Kim*, hlm. 85-94. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Syed Muhd Khairudin Aljunied. 2011. A Theory of Colonialism in the Malay World. *Postcolonial Studies* 14(1): 7-21.
- T. J. Newbold. 1971. *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, Volume One. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- W. H. Treacher. 1894. Annual Education Report, for the Year 1893, Appendix, *Straits Settlements Annual Education Report, for the Year 1893*: 492.
- Wilkinson, R.J. 1906. *Malay Beliefs*. Leiden: E.J. Brill.